

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 SESI 2017/2018**

NAMA KURSUS	:	TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA
KOD KURSUS	:	UQI 10302 / UWA 10302
KOD PROGRAM	:	BBA/ BBB/ BBC/ BBF/ BDD/ BEJ/ BEV/ BFF/ BIM/ BIP/ BIS/ BIT/ BIW/ BNB/ BND/ BNE/ BNF/ BNG/ BNH/ BNK/ BNL/ BNM/ BPA/ BPB/ BPC/ BPD/ BPP/ BWA/ BWC/ BWD/ BWQ/ BWW
TARIKH PEPERIKSAAN:		DISEMBER 2017 / JANUARI 2018
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN. B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

**TERBUKA**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA PULUH TIGA (23) MUKA SURAT

**SULIT**  
*(Handwritten notes and signatures are present in the background of this stamp)*

**S1** Apakah idea utama yang ingin diterjemahkan oleh pengertian perkataan tamadun berdasarkan maksudnya dalam bahasa Arab?

- A Kemajuan material dan kemakmuran kehidupan
- B Kehalusan budi bahasa dan keelokkan tingkah laku
- C Pencapaian yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi
- D Pemikiran yang tinggi dalam bidang sosial, budaya dan politik

**S2** Berikut merupakan kesimpulan-kesimpulan penting yang perlu difahami daripada makna tamadun berdasarkan tiga bahasa utama iaitu Arab, Melayu dan Inggeris. Pilih jawapan yang paling tepat tentang kesimpulan tersebut.

- A Kemajuan kerohanian yang mencakupi nilai dan akhlak
- B Kemajuan kebendaan yang dikaitkan dengan kehidupan bandar
- C Perluasan kuasa dan pengaruh yang merentasi sempadan geografi
- D Integrasi nilai, akhlak dan kemajuan material perlu disepadukan bagi membangunkan tamadun yang cemerlang

Soalan 3 dan 4 berdasarkan kepada tokoh Islam dalam **Jadual 1**.

**Jadual 1**

I	Farid Wajdi
II	Jurji Zaidan
III	Ibn Khaldun
IV	Muhammad Abduh

**S3** Siapakah dua tokoh yang menggunakan perkataan *Madaniyyah* dalam penulisan bagi menyatakan tentang bandar atau kehidupan bandar?


- A I dan II sahaja
- B I dan IV sahaja
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja

**S4** Siapakah tokoh terawal yang memperkenalkan teori Kitaran Tamadun dalam pengajian ilmu ketamadunan?

- A I
- B II
- C III
- D IV

**TERBUKA**

Soalan 5 adalah berdasarkan kepada hubungan agama dengan tamadun dalam **Rajah 1**.

**Rajah 1**

**S5** Apakah elemen Y berdasarkan kepada **Rajah 1** di atas?

- A Sistem keagamaan
- B Pandangan semesta
- C Paradigma pemikiran
- D Sistem kemasyarakatan

**S6** Pilih pernyataan yang tepat tentang Ilmu Ketamadunan.

- I Memberikan kefahaman sebenar tentang makna tamadun
- II Mengetahui faktor-faktor pertumbuhan dan kejatuhan tamadun
- III Memastikan kelangsungan pembinaan sesebuah tamadun berada di atas landasan yang betul
- IV Memfokuskan kepada kejayaan fizikal serta meminggirkan nilai-nilai murni dari pandangan semesta

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S7** Apakah matlamat utama yang ingin dicapai oleh tamadun-tamadun tradisional melalui aktiviti pendidikan?

- A Pembinaan sifat-sifat yang mulia melalui proses pengajaran ilmu
- B Menguasai persekitaran luaran melalui pengetahuannya tentang alam
- C Perlumbaan dalam urusan pemilikan harta benda untuk memenuhi keperluan insan
- D Penguasaan pelbagai ilmu pengetahuan yang mampu mencetuskan evolusi dan revolusi.

**TERBUKA**

**S8** Manakah antara unsur-unsur berikut penting untuk mencapai tahap tamadun tinggi menurut Malik Bennabi?

- I Idea
  - II Benda
  - III Sistem
  - IV Manusia
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S9** Pilih kenyataan yang paling tepat tentang kesan interaksi antara tamadun.

- I Interaksi antara tamadun berlaku di sepanjang zaman
  - II Interaksi antara tamadun boleh membawa kesan positif dan negatif
  - III Interaksi mengelakkan sesebuah tamadun daripada menjadi beku dan jumud
  - IV Interaksi antara tamadun membawa perubahan dari segi nilai, idea, intitusi dan insan
- 
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 10 adalah berdasarkan kepada **Pernyataan 1**.

**Pernyataan 1**

Ibn Khaldun	Thomas Berry
Kemunculan dan pertapanan agama merupakan ciri penting dalam tahap awal tamadun	Tamadun-tamadun di timur seperti China dan India tidak dapat difahami sepenuhnya kecuali merujuk kepada agama-agama besar

**S10** Apakah persamaan pendapat kedua-dua tokoh dalam **Pernyataan 1**?

- A Idea tentang pembinaan sebuah tamadun yang besar
- B Peranan agama dalam pembentukan kecemerlangan tamadun
- C Persoalan gaya hidup ke atas sesebuah negara yang bertamadun
- D Kesangsian terhadap peranan agama dalam pembinaan tamadun yang hebat

**TERBUKA**

Soalan 11 adalah berdasarkan faktor kehancuran tamadun dalam **Pernyataan 2**.

**Pernyataan 2**

Faktor dalaman yang disebut sebagai ‘bunuh diri’ menjadi penyebab utama kehancuran tamadun berbanding faktor luaran yang disebut sebagai ‘pembunuhan’

**S11** Siapakah dua tokoh yang telah berkongsi pandangan tentang **Pernyataan 2**?

- A Jurji Zaidan dan Farid Kamil
- B Jacqueta Hawkes dan Ibn Arabi
- C Ibn Khaldun dan Arnold Toynbee
- D Ahmad Wajdi dan Sulaiman al Farisi

**S12** Apakah nilai utama yang perlu ditekankan semasa dialog antara peradaban ia boleh berlangsung dalam keadaan harmoni?

- A Etika
- B Logik
- C Metafizik
- D Epistemologi

**S13** Manakah antara berikut perkara-perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan sesebuah tamadun?

- I Penghijrahan manusia
- II Pemerintahan yang zalim
- III Nilai-nilai moral yang kukuh
- IV Peperangan yang berpanjangan

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D II dan IV sahaja

**TERBUKA**

Soalan 14 berdasarkan kepada keterangan dalam **Pernyataan 3**.

**Pernyataan 3**

Kedudukan yang sesuai dapat membantu membangunkan sesebuah penempatan dan membolehkan penduduk atau penerokanya memperoleh sumber-sumber semulajadi untuk kelangsungan kehidupan. Ia juga berperanan untuk menentukan kesesuaian lokasi tersebut menjadi pusat tumpuan masyarakat setempat atau yang datang dari luar dengan kemudahan perhubungan melalui air, darat atau udara.

Sumber: Modul TITAS Cetakan 2/2017

**S14** Apakah faktor kelahiran dan perkembangan tamadun berasaskan kepada **Pernyataan 3**?

- A Kedudukan yang strategik
- B Kesuburan tanah pertanian
- C Kemudahan sumber pengangkutan
- D Kemudahan untuk mendapatkan sumber alam

**S15** Apakah penyelesaian utama yang disarankan oleh Malik Bennabi bagi mengatasi kejatuhan sesebuah tamadun?

- A Perkembangan idea yang luas dan kontemporari
- B Penggunaan sumber alam perlu dihadkan bagi tujuan kelangsungan kehidupan
- C Manusia perlu berusaha untuk menguasai kekayaan material sebagai bekalan untuk melalui kehidupan
- D Masyarakat perlu kembali kepada agama yang memungkinkan kelahiran satu kitaran baru pembinaan tamadun manusia

**S16** Pilih pernyataan paling tepat yang menjelaskan mengenai Tamadun Islam.

- A Sejumlah kemajuan dan pencapaian oleh umat Islam dari aspek kerohanian, akhlak, tatasusila, adab tingkahlaku dan budi bahasa di peringkat individu, masyarakat dan negara
- B Sejumlah kemajuan dan pencapaian oleh bangsa Arab yang beragama Islam dari aspek kerohanian, akhlak, tatasusila, adab tingkahlaku dan budi bahasa di peringkat individu, masyarakat dan negara
- C Sejumlah kemajuan dan pencapaian dalam kalangan umat Islam dari aspek ilmu, politik, ekonomi, inovasi, akhlak, tatasusila, adab, tingkahlaku dan budi bahasa di peringkat individu, masyarakat dan negara
- D Sejumlah kemajuan dan pencapaian oleh bangsa Arab yang beragama Islam dari aspek ilmu, politik, ekonomi, inovasi, akhlak, tatasusila, adab, tingkahlaku dan budi bahasa di peringkat individu, masyarakat dan negara

**TERBUKA**

**S17** Manakah perkara berikut yang membentuk *world view* (pandangan semesta) dalam Tamadun Islam?

- A Akidah Tauhid
- B Piagam Madinah
- C Syariah Islamiyah
- D Akhlak Mahmudah

Soalan 18, 19 dan 20 adalah berdasarkan kepada maksud hadis Nabi Muhammad S.A.W. dalam **Pernyataan 4**.

**Pernyataan 4**

Maksudnya: “Tuntutlah Ilmu dari dalam buaian hingga ke liang lahad”  
(Hadis riwayat Muslim)

**S18** Apakah ketetapan dalam Tamadun Islam berdasarkan hadis dalam **Pernyataan 4**?

- A Kewajipan menuntut ilmu tanpa batasan masa dan umur
- B Kewajipan menuntut ilmu mengikut kemampuan seseorang
- C Kewajipan menuntut ilmu ketika kanak-kanak dan warga emas
- D Kewajipan menuntut ilmu pendidikan awal kanak-kanak dan pengurusan jenazah

**S19** Mengapakah menuntut ilmu menjadi kewajipan dalam Tamadun Islam?

- A Memelihara akal
- B Mewujudkan harta
- C Memelihara agama
- D Mewujudkan nyawa

**S20** Bagaimanakah kaedah Tamadun Islam menetapkan kewajipan menuntut ilmu ke atas orang Islam?

- A Penjelasan dasar Tamadun Islam
- B Terjemahan falsafah Tamadun Islam
- C Pencapaian matlamat Tamadun Islam
- D Pemahaman terhadap sifat-sifat Tamadun Islam



TERBUKA

Soalan 21 dan 22 berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam pembinaan dan perkembangan tamadun Islam dalam **Jadual 2**. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 2**

I	Penurunan al-Quran
II	Pelaksanaan Institusi Baitul Mal
III	Perintah permulaan solat dan zikir
IV	Penyebaran Islam ke seluruh semenanjung Arab

**S21** Peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa Nabi Muhammad S.A.W di Mekah.

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

**S22** Peristiwa-peristiwa yang berkait rapat dengan memperkuatkan akidah dan penyusunan sistem ekonomi dan politik dalam pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W di Madinah.

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

Soalan 23 dan 24 merujuk kepada sifat-sifat Tamadun Islam dalam **Jadual 3**. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 3**

A	Tetap
B	Terbuka
C	Rabbani
D	Universal

**S23** Sifat yang sesuai bagi Tamadun Islam yang berkonsepkan *ummah* dan tidak bersandarkan kepada sesuatu bangsa atau kawasan.

**S24** Sifat yang sesuai bagi Tamadun Islam yang didasari oleh nilai-nilai ketuhanan dan keagamaan.

**TERBUKA**

**S25** Bilakah sistem khilafah dalam Tamadun Islam berakhir?

- A Pembunuhan Saidina Ali A.S.
- B Kewafatan Nabi Muhammad S.A.W.
- C Daulah Umaiyyah dijatuhkan oleh Daulah Abbasiyyah
- D Penggulingan Sultan Abdul Hamid dalam Daulah Uthmaniah

**S26** Apakah tamadun yang bertembung dengan Tamadun Islam semasa Islam sampai di Andalus?

- A Tamadun Yunani
- B Tamadun Eropah
- C Tamadun Babylon
- D Tamadun Rumawi

**S27** Nyatakan bidang kepakaran yang disumbang oleh al-Biruni dan al-Khawarizmi.

- A Sejarah
- B Geografi
- C Astronomi
- D Trigonometri

**S28** Manakah antara berikut bahagian terpenting yang terkandung dalam Piagam Madinah?

- I Berkaitan golongan munafik dan kafir
- II Berkaitan golongan Muhajirin dan Ansar
- III Hubungan umat Islam dengan orang Yahudi
- IV Hubungan antarabangsa antara negara Islam dan bukan Islam

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

**S29** Apakah dua perkara penting yang mewarnai pembentukan Tamadun Melayu?

- A Kepelbagaian bahasa dan etnik
- B Bahasa Melayu dan agama Islam
- C Bahasa dan interaksi antara tamadun
- D Kepelbagaian etnik dan agama Islam

**TERBUKA**

**S30** Bahasa Melayu adalah bahasa yang dituturkan di seluruh \_\_\_\_\_ sebagai sebuah bahasa \_\_\_\_\_ yang menunjukkan bahawa Bahasa Melayu dikaitkan dengan bahasa orang-orang bertamadun.

- |   |                      |                     |
|---|----------------------|---------------------|
| A | Kepulauan Melayu     | Lingua Franca       |
| B | Tanah Melayu -       | Lingua Franca       |
| C | Kepulauan Melayu -   | Sub Etnik Serumpun  |
| D | Semenanjung Melayu - | Sub Etnik Kepulauan |

**S31** Pandangan semesta Tamadun Melayu telah melalui perubahan dengan kedatangan Islam. Apakah faktor yang menyebabkan ia mengalami perubahan?

- |     |   |
|-----|---|
| I   | Berasaskan hubungan manusia dengan Allah                              |
| II  | Konsep yang digunakan adalah konsep hukum alam                        |
| III | Konsep kejadian manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi           |
| IV  | Pandangan semestanya telah dimantapkan dan berlaku proses Islamisasi. |
- 
- |   |                       |
|---|-----------------------|
| A | I dan II sahaja       |
| B | I, III dan IV sahaja  |
| C | II, III dan IV sahaja |
| D | I, II, III dan IV     |

**S32** Manakah antara kawasan-kawasan berikut merujuk kepada wilayah yang didiami oleh orang-orang Melayu di Asia Tenggara?

- |   |                                    |
|---|------------------------------------|
| A | Penempatan Melayu Christmas        |
| B | Penempatan Melayu Cape Town        |
| C | Gugusan Kepulauan Madagascar       |
| D | Gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia |

**S33** Manakah antara berikut merupakan takrif orang Melayu menurut Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan?

- |     |                                  |
|-----|----------------------------------|
| I   | Beragama Islam                   |
| II  | Berbahasa Melayu                 |
| III | Tinggal di pesisir pantai        |
| IV  | Mengamalkan adat istiadat Melayu |



- |   |                       |
|---|-----------------------|
| A | I, II dan III sahaja  |
| B | I, II dan IV sahaja   |
| C | II, III dan IV sahaja |
| D | I, II, III dan IV     |

**S34** Pilih laluan kedatangan Islam ke Tanah Melayu.

- I Perdagangan laut dari negara-negara Arab
  - II Perdagangan darat ke benua Afrika dahulu, sebelum sampai ke kawasan Asia Tenggara
  - III Perdagangan darat ke benua kecil India dahulu, sebelum sampai ke kawasan Asia Tenggara
  - IV Perdagangan darat ke negara China dahulu, sebelum mengikuti laluan perdagangan laut ke kawasan Asia Tenggara
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S35** Apakah Empayar Melayu Awal yang merupakan asas kepada pembentukan asal-usul Tamadun Melayu?

- A Funan dan Demak
- B Funan dan Srivijaya
- C Funan dan Sri Lanka
- D Funan dan Majapahit

Soalan 36 dan 37 merujuk kepada pandangan semesta Tamadun Melayu dalam **Jadual 4**. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 4**

A	Bekerjasama
B	Menjaga tutur kata
C	Memuliakan tetamu
D	Hormat menghormati

**S36** Apakah pandangan semesta Tamadun Melayu yang ditekankan dalam pantun di bawah?

Harimau belang mengejar rusa  
Rusa makan di daun muda  
Sebab pulut santan binasa  
Sebab mulut badan binasa

**TERBUKA**

**S37** Apakah pandangan semesta Tamadun Melayu yang ditekankan dalam pantun di bawah?

Asam kundang si asam pauh  
Dua Pohon ditanam bersilang  
Kalian bertandang darilah jauh  
Moga gembira bukan kepalang

**S38** Siapakah ulama Kesultanan Melayu Islam Sumatera yang berperanan mendidik Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Syah Sayyid Mukammil dan cucunya Sultan Iskandar Muda?

- A Khatib Dayyan
- B Hamzah Fansuri
- C Arsyad al-Banjari
- D Nuruddin al-Raniri

Soalan 39 dan 40 berdasarkan kepada pusat-pusat Tamadun Melayu Islam dalam **Jadual 5**. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 5**

A	Perlak
B	Campa
C	Melaka
D	Samudera Pasai

**S39** Kerajaan Melayu Islam terletak di Sumatera Utara, berperanan sebagai pusat kerajaan Islam yang paling awal dan menjadi asas penting dalam perkembangan Islam di Alam Melayu?

**S40** Kerajaan Melayu Islam yang pertama memainkan peranan dalam perkembangan bahasa Melayu menerusi tulisan Jawi bagi menggantikan tulisan Jawa kuno?

**S41** Manakah antara berikut merupakan pencapaian dalam bidang teknologi bagi Tamadun Melayu?

- I Batik
- II Bajak
- III Kubah
- IV Relong

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

**S42** Apakah aktiviti masyarakat pada Zaman Batu Baru (*Neolithic New Stone Age*) yang berlangsung selepas tahun 10,000 S.M. di sekitar lembah Sungai Indus?

- A Aktiviti terhad kepada pembinaan rumah-rumah kediaman, pertanian dan perdagangan
- B Aktiviti pertanian, perternakan, perdagangan dengan negara luar dan mengamalkan upacara-upacara keagamaan
- C Aktiviti pembinaan negara meliputi aspek-aspek kehidupan manusia seperti agama, budaya, nilai-nilai hidup dan kemajuan-kemajuan kebendaan
- D Aktiviti pertanian, perternakan, membuat pinggan mangkuk, perhiasan, pembuatan barang tembikar, benang, kain dan peralatan batu

**S43** Nyatakan sumbangan kerajaan Chera, Chola, Pandya dan Pallava pada Zaman Sangam.

- A Perubatan dan sains
- B Kaligrafi dan seni khat
- C Kesusastraan dan perdagangan
- D Seni bina agung dan pembinaan kota

**S44** Apakah bukti sumbangan Tamadun India terhadap bidang kimia dalam peleburan logam?

- A Taj Mahal
- B Qutb Minar
- C Kuil Vishnu
- D Iron Pillar of Delhi

**S45** Siapakah tokoh yang mengasaskan institusi pendidikan Islam terkemuka semasa zaman pemerintahan Islam dalam Tamadun India?

- A Aurangzeb
- B Shah Jahan
- C Amir Khusrau
- D Alauddin Khilji



**S46** Apakah nilai utama yang diketengahkan oleh epik sastera *Sakunthala* dan *Kama Sutra*?

- A Menerangkan ajaran-ajaran dharma (kebaikan) dan keagamaan
- B Mengandungi bahasa puitis dan nilai-nilai sejarah tamadun India
- C Menghurai ciri-ciri jatidiri seorang warganegara yang sanggup berkorban untuk negara
- D Menjelaskan susur galur dan sejarah pembinaan kerajaan awal tamadun India di sekitar Sungai Indus

**S47** Apakah sumbangan utama bahasa Sanskrit kepada Tamadun India?

- A Membantu kemunculan agama Buddha
- B Membantu proses pemahaman ajaran-ajaran Buddha yang hendak disampaikan kepada orang ramai
- C Merupakan pecahan kepada bahasa Prakrit menjadi bahasa utama dari kalangan penganut agama Buddha Sthaviravadin atau Buddha Hinayana/Theravada
- D Membantu perkembangan falsafah dan kesusasteraan serta merupakan bahasa pertuturan utama orang Aryan sehingga dikenali sebagai Vedik Sankrit

**S48** Apakah nilai utama diterapkan oleh agama Buddha kepada penganut agama tersebut?

- A Menekankan aspek dhamma (kebaikan) dan menjauhi daripada perbuatan jahat
- B Memperjuangkan kehidupan Siddharta Gautama (563-483 S.M.) iaitu pengasas kepada agama Buddha
- C Menekankan perlaksanaan semua aspek dalam roda empirik yang mengandungi 12 rangkaian
- D Memperjuangkan kehidupan yang kaya dengan melaksanakan Lapan Jalan Mulia untuk mencapai nirvana

**S49** Manakah golongan kasta yang tidak dibenarkan bersekolah dan menjadi satu kesalahan apabila memberikan pendidikan kepada mereka?

- A Sudra
- B Vaisya
- C Kastria
- D Brahmin

**TERBUKA**

**S50** Manakah antara berikut merupakan sumbangan orang Islam dalam bidang seni bina sepanjang sejarah Tamadun India?

- I Kubah dan menara masjid
  - II Memperkenalkan penggunaan konkrit dan motar
  - III Memperkenalkan alat-alat geometri dalam pembinaan bangunan
  - IV Memperkenalkan lukisan flora dan fauna pada bangunan-bangunan
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S51** Nyatakan kawasan pertama di India yang menerima Islam pada abad ke 7 Masihi semasa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab?

- A Pantai Sind
- B Pantai Sehwan
- C Lembah Sistan
- D Lembah Makran

**S52** Manakah kenyataan yang benar tentang kedudukan wanita dalam Tamadun India?

- I Kedudukan wanita adalah terendah dalam kepercayaan agama
  - II Wanita berkahwin berada di bawah penjagaan keluarga dan suami
  - III Fungsi utama seorang wanita adalah memelihara anak dan menjaga suami
  - IV Kaum wanita berada di bawah penjagaan ibu dan bapa semasa kanak-kanak
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 53 berdasarkan kepada ciri-ciri kelas sosial masyarakat India dalam **Pernyataan 5**.

**Pernyataan 5**

- Warna kulit yang kemerahan
- Merupakan kelompok yang bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan
- Melibatkan diri secara langsung dalam sistem pemerintahan

**S53** Siapakah golongan yang mempunyai ciri-ciri sebagaimana **Pernyataan 5**?

- A Vaisya
- B Sudra
- C Kastria
- D Brahmin



TERBUKA

**S54** Mengapa kemahiran seni khat sangat dimuliakan dan dihormati dalam zaman pemerintahan Islam di India?

- A Dianggap bertuah dan dirahmati Allah S.W.T.
- B Dapat memberikan pendapatan yang lumayan
- C Mampu membuatkan seseorang itu menjadi terkenal
- D Melayakkkan pemiliknya untuk mendapat kedudukan yang istimewa dari pihak istana

**S55** Bagaimanakah Maharaja Huang Ti menyatupadukan penduduk dalam penempatan awal Tamadun Cina?

- I Berusaha menghapuskan raksasa dan semangat jahat
  - II Pemerintahan yang menyaksikan peralihan zaman neolitik ke zaman gangsa
  - III Menjadi seorang pemimpin yang berwibawa dan terkuat di Lembah Sungai Kuning
  - IV Menghasilkan kegiatan ekonomi yang lebih sempurna dalam penternakan, pembinaan empangan dan penenunan sutera
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 56 dan 57 berdasarkan kepada ciri-ciri dinasti dalam **Rajah 2**.

**Rajah 2**

	Diasaskan oleh Yu
X	Berperanan sebagai penjaga kadar air Sungai Kuning
	Berusaha menghapuskan raksasa dan semangat jahat

**S56** Berdasarkan kepada **Rajah 2**, nyatakan Dinasti X.

- A Han
- B Yun
- C Hsia
- D Zhou

**TERBUKA**

**S57** Mengapakah kewujudan Dinasti X masih menjadi tanda tanya dalam kalangan pengkaji sejarah?

- A Raja dalam Dinasti X tidak diiktiraf dalam Tamadun Cina
- B Dinasti X tidak mempunyai kehebatan dalam sejarah Tamadun Cina
- C Tidak terdapat bukti-bukti arkeologi mengenai kewujudan Dinasti X
- D Telah dimusnahkan oleh Dinasti Chou yang muncul selepas Dinasti X

**S58** Pilih aktiviti yang paling tepat merujuk kepada aktiviti ekonomi dan pertanian awal masyarakat neolitik di lembangan Sungai Kuning?

- I Memburu
  - II Menanam padi
  - III Membuat tembikar
  - IV Menghasilkan sutera
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 59 merujuk kepada **Pernyataan 6**.

**Pernyataan 6**

“Raja sebagai wakil langit yang diberi mandat memerintah di bumi.”

**S59** Apakah konsep keagamaan yang merujuk kepada **Pernyataan 6**?

- A Konsep Dao
- B Konsep Ren
- C Konsep Tao
- D Konsep Ti'en

**S60** Manakah antara berikut sumbangan terbesar Tamadun Cina terhadap perkembangan teknologi dunia?

- I Kompas
  - II Percetakan
  - III Bahan letupan
  - IV Pembuatan kertas
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

**S61** Aliran konfusianisme diasaskan oleh tokoh bernama \_\_\_\_\_ yang menekankan amalan dan sifat mulia iaitu kemanusiaan \_\_\_\_\_, kesusilaan \_\_\_\_\_ dan ketaatan kepada ibu bapa \_\_\_\_\_.

- A Kung Fu Tze, (*li*), (*ren*), (*xiao*)
- B Kung Fu Tze, (*ren*), (*dao*), (*xiao*)
- C Kung Fu Tze - (*ren*) - (*li*) - (*xiao*)
- D Kung Fu Tze, (*wuwei*), (*dao*), (*xiao*)

**S62** Apakah pencapaian dinasti Han yang menyebabkan dinasti ini agung dan dikagumi serta orang Cina sering merujuk diri mereka sebagai ‘Orang Han’?

- I Konfusianisme menjadi pegangan rasmi negara
  - II Laluan sutera menjadi laluan perdagangan dan perhubungan yang penting
  - III Gaya tulisan baru dikembangkan dan kamus Bahasa Cina pertama disusun
  - IV Wujud interaksi hubungan dengan Asia Tengah, Asia Barat dan negara Rom
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S63** Nyatakan sumbangan terbesar Islam terhadap Tamadun Cina.

- A Kelahiran ulama
- B Percetakan buku-buku agama
- C Ciptaan bahan letupan peperangan
- D Ciptaan kompas pelayaran lautan jauh

**S64** Apakah bidang yang menerima sumbangan terbesar daripada sarjana Islam Cina bernama Jamaluddin?

- A Fizik
- B Perubatan
- C Astronomi
- D Kejuruteraan



**S65** Apakah keutamaan dalam Legalisme yang dirumuskan oleh ahli falsafah Cina bernama Han Feizi?

- A Pemikiran kebijakan rakyat
- B Pemikiran kebebasan mutlak rakyat
- C Pemikiran kekuasaan ketenteraan ke atas negara
- D Pemikiran kekuasaan pemerintah ke atas rakyatnya

Soalan 66 berdasarkan kepada ciri-ciri tokoh Cina Muslim dalam **Pernyataan 7**.

**Pernyataan 7****Tokoh X**

- Beliau adalah pelopor bidang astronomi Islam dalam Tamadun Cina
- Pengarang buku astronomi bertajuk *Ying Tian Li*
- Beliau diberi jawatan Qing Tian Jian Zheng

**S66** Siapakah tokoh X?

- A Li Ping
- B Ma Yize
- C Ma Dexin
- D Wang Daiyu

**S67** Bagaimanakah cara untuk mengurangkan jenayah menurut falsafah Taoisme yang dihasilkan oleh Lao Zi?

- A Beranggapan manusia secara asasnya bersifat jahat, justeru menyarankan agar penguatkuasaan undang-undang dan hukuman yang ketat dilaksanakan
- B Beranggapan dunia manusia adalah baik, justeru manusia hendaklah mencintai orang lain seperti mencintai diri sendiri tanpa ada perbezaan taraf kehidupan
- C Beranggapan dunia manusia adalah buruk, justeru manusia harus menahan nafsu dari mengejar benda-benda yang tidak boleh diperoleh dengan cara yang betul
- D Beranggapan manusia pada asalnya adalah baik, justeru pemerintah hendaklah mengawal persekitaran agar tidak memberi ruang kepada manusia melakukan jenayah

**S68** Nyatakan dua negara yang mula membuka pintu kepada dunia luar dan memberi lebih kebebasan kepada kegiatan sosial, ekonomi dan politik setelah runtuhnya ideologi komunis.

- I Rusia
- II China
- III Vietnam
- IV Korea Utara



**TERBUKA**

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja

**S69** Apakah aliran pemikiran dan sistem pemerintahan yang lahir dalam dunia homogen Barat menurut teori Francis Fukuyama?

- A Pluralisme dan autokrasi Barat
- B Sekularisme dan monarki Barat
- C Liberalisme dan demokrasi Barat
- D Komunisme dan globalisasi Barat

**S70** Pilih kesan penjajahan Barat ke atas masyarakat Islam dan Tamadun Asia.

- I Nilai budaya
  - II Institusi politik
  - III Pegangan agama
  - IV Struktur ekonomi
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S71** Apakah cabaran kontemporari yang dihadapi oleh Tamadun Islam dan Tamadun Asia?

- A Penguasaan Barat ke atas hasil bumi negara
- B Dominasi Barat terhadap politik, ekonomi, media dan budaya negara
- C Kekurangan golongan elit yang kreatif untuk mencetuskan idea baharu
- D Perkembangan politik, ekonomi dan budaya negara tidak selari dengan kepesatan pembangunan dunia

**S72** Manakah negara anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang memperoleh kuasa veto selepas Perang Dunia Kedua?

- I Rusia
  - II Britain
  - III Jerman
  - IV Perancis
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV



**S73** Apakah sistem pemerintahan yang diperkenalkan oleh Barat dan masih diamalkan oleh kerajaan Britain?

- A Feudal
- B Monarki
- C Autokrasi
- D Demokrasi

**S74** Apakah konsep pemerintahan di Malaysia yang disesuaikan dengan sistem demokrasi?

- A Liberal
- B Proleter
- C Terpimpin
- D Berparlimen

**S75** Mengapa institusi kekeluargaan Barat dilihat sedang mengalami keruntuhan?

- A Pembatasan kelahiran anak dalam satu keluarga dan melarang berlaku perceraian
- B Larangan berlaku perceraian dan membuka ruang untuk aktiviti pergaulan dan seks bebas
- C Galakan aktiviti pergaulan dan seks bebas serta menghadkan kelahiran anak dalam satu keluarga
- D Kebenaran perkahwinan sejenis dan membuka ruang untuk aktiviti pergaulan dan seks bebas

**S76** Berdasarkan kepada mesyuarat Kabinet bertarikh 16 Mei 1986 perkataan berikut adalah termasuk antara kalimah yang dilarang penggunaannya oleh mereka yang bukan beragama Islam.

- I Allah
- II Kaabah
- III Selawat
- IV Baitullah

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV



TERBUKA

**S77** Manakah antara berikut yang dimaksudkan dengan istilah globalisasi?

- I Dunia tanpa sempadan
  - II Perkampungan kecil manusia
  - III Proses yang melahirkan dunia tanpa sempadan
  - IV Penerapan ideologi barat terhadap dunia bukan barat
- 
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja

**S78** Apakah kesan utama fenomena globalisasi budaya melalui rancangan realiti televisyen berbentuk hiburan yang tersebar luas dan ditiru di Malaysia?

- A Kualiti hiburan meningkat dalam masyarakat
- B Cita-cita remaja diberi ekspresi secara kompetitif
- C Nilai-nilai menghormati dan menjaga perasaan individu diutamakan
- D Golongan kurang berasas baik boleh mendapat peluang untuk cepat kaya

**S79** Apakah mekanisme paling penting untuk merealisasikan cabaran masa depan dunia berbilang tamadun di Malaysia ?

- A Menganjurkan dialog antara tamadun bagi memupuk persefahaman antara kaum
- B Menutup pintu interaksi antara tamadun bagi menyekat dominasi Barat ke atas Malaysia
- C Membina tamadun yang homogen bagi membentuk kesatuan dan kesepaduan kaum
- D Melemahkan kepelbagaian tamadun bagi mempastikan kelangsungan tamadun Malaysia



**TERBUKA**

**S80** Apakah nilai-nilai paling utama dalam konteks dialog antara peradaban yang melibatkan Tamadun Islam dengan Tamadun Barat?

- I Nilai-nilai sepunya
  - II Menghormati realiti dunia berbilang tamadun
  - III Saling kebergantungan dalam pembangunan tamadun
  - IV Memahami isu-isu yang memisahkan antara Tamadun Barat dan Tamadun Islam
- 
- A I, II, dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**- SOALAN TAMAT -**

**TERBUKA**